



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 1/97

**TARIKH AKHIR UNTUK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN BAGI PROGRAM LATIHAN,
PEMBELIAN PERALATAN LATIHAN, KOS PENYEDIAAN KEMUDAHAN BILIK LATIHAN,
PEMBELIAN PERISIAN LATIHAN DAN KOS MEMBANGUNKAN PERISIAN LATIHAN
BERKOMPUTER YANG TELAH SELESAI DIJALANKAN/DIBUAT DALAM TAHUN 1996**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Suka saya maklumkan di sini bahawa sepertimana di tahun-tahun yang lepas, majikan masih dibenarkan untuk mengemukakan tuntutan bagi program-program latihan yang selesai dijalankan dalam tahun 1996 dengan syarat ianya diterima dengan dokumen sokongan yang lengkap oleh Urusetia Majlis ini selewat-lewatnya 30.06.1997. Begitu juga dengan tuntutan bagi pembelian peralatan (termasuk komputer peribadi), pembelian perisian latihan berkomputer dan kos untuk membangunkan perisian latihan berkomputer serta perbelanjaan untuk mengada atau mengubahsuaikan bilik latihan yang selesai dibuat dalam tahun 1996, hendaklah dikemukakan dan diterima dengan dokumen sokongan yang lengkap oleh Urusetia Majlis selewat-lewatnya pada 30.06.1997.

3. Sehubungan dengan itu, mana-mana tuntutan bagi program latihan tahun 1996 yang diterima dengan dokumen sokongan yang tidak lengkap dan terpaksa dikui/pulangkan, majikan dikehendaki melengkapkan dokumen sokongannya dan memastikannya diterima semula oleh Majlis sebelum atau pada 30.06.1997.

4. Berdasarkan pengalaman yang lepas, Urusetia Majlis sering menerima tuntutan dalam keadaan tidak lengkap di saat-saat akhir tempoh yang ditetapkan dan kui tidak sempat dibuat lagi. Untuk mengatasi masalah ini majikan hendaklah memastikan segala dokumen sokongan adalah lengkap. Pembayaran akan dibuat bagi item-item yang mempunyai dokumen sokongan yang lengkap sahaja.

5. Walaubagaimanapun perlu dijelaskan di sini bahawa tuntutan bagi program-program yang selesai dijalankan dalam tahun 1996 yang diterima lengkap oleh Majlis mulai pada 01.01.1997 sehingga 30.06.1997 tetap akan dibayar dari baki caruman levi 1996 yang sedia ada. Sekian dimaklumkan dan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama tuan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)
Pengarah Kewangan
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

